LATIHAN A : Soalan 1 hingga 5

*Tuliskan (**betul**) pada ayat yang betul penggunaan **kata adjektif** dan tuliskan (**salah**) pada penggunaan yang salah.*

1	Pak Cik Senin digigit pacat, darah *putih* meleleh di kaki kanannya.	
2	Budak itu hampir lemas kerana dihanyutkan oleh arus yang *pantas*.	
3	Cuaca malam ini *panas* kerana petang tadi hujan turun dengan lebat.	
4	Pak Karim mengasah pisau pemotong daging itu kerana sudah *tumpul*.	
5	Air sungai itu sangat *kotor* kerana sampah sarap dibuang ke dalamnya.	

[**5** *markah*]

LATIHAN B : Soalan 1 hingga 4

*Padankan **kata adjektif** yang sesuai berdasarkan ayat yang diberikan. Satu daripada telah ditunjukkan sebagai contoh.*

1	Jambatan yang _____ itu akan dilebarkan untuk kemudahan penduduk Kampung Parit Raja.	→	***sempit***
2	Persidangan itu menjadi semakin _____ kerana kedua-dua belah pihak tidak mahu mengalah.		***sarat***
3	Emak pulang dari pasar dengan membawa sebuah bakul yang _____ dengan barangan dapur.		***gawat***
4	Jalan utama di Bandaraya Kuala Lumpur menjadi _____ semasa sambutan Hari Raya Aidilfitri.		***lengang***

[**3** *markah*]

LATIHAN C : Soalan 1 dan 2

*Tandakan (✓) bagi **kata adjektif** yang betul berdasarkan ayat di bawah.*

1 Intan Suraya berasa _____ kerana permohonannya untuk melanjutkan pelajaran ke luar negara tidak berjaya.

resah ( ) hampa ( ) hancur ( )

2 Puan Azila merupakan seorang ibu tunggal yang _____ menghadapi dugaan hidup dalam membesarkan ketiga-tiga orang anaknya.

patuh ( ) cekal ( ) berani ( )

[**2** *markah*]

LIVEWORKSHEETS

LATIHAN D : Soalan 1 dan 5

*Pilih **kata adjektif** yang paling sesuai untuk diisi pada tempat kosong dalam teks di bawah.*

sepi	jauh	kelat	lewat	gopoh	bengis
pagi	awal	sejuk	malam	cermat	lembut

Jam dinding sudah menunjukkan tepat pukul 7:00 _____. Atikah baru sahaja terjaga kerana dia tidur _____ malam. Atikah tidak sempat bersarapan, dia hanya minum beberapa teguk air teh _____ yang terletak di atas meja makan. Atikah mengayuh basikalnya ke sekolah dengan _____ walaupun dia sudah terlewat. Dengan tidak semena-mena, Atikah terbayang wajah _____ guru disiplinnya yang sedang tercegat di pintu pagar sekolah. Namun, dia mengayuh basikalnya dengan tenang dan berhati-hati.

[**5** *markah*]

LATIHAN E : Soalan 1 hingga 5

*Garis jawapan (**kata adjektif**) yang paling sesuai bagi ayat di bawah.*

1 Menjelang dinihari yang (syahdu / tenang / hening) Wan Hisyamuddin terpaksa turun juga ke laut untuk mencari rezeki.

2 "Kain Sutera Terengganu ini memang (licin / empuk / halus) buatannya dan mahal pula harganya," kata jurujual itu lagi.

3 Para pengunjung dapat melihat pelbagai spesies ikan air tawar di dalam kolam itu kerana airnya sangat (putih / jernih / cerah).

4 Badan ikan pari yang (pipih / bujur / tirus) itu membolehkan ikan tersebut bersembunyi pada permukaan pasir di dasar laut.

5 Pembakaran kawasan hutan secara terbuka tidak harus dilakukan oleh mana-mana pihak terutamanya pada musim (hujan / panas / dingin).

[**5** *markah*]

LATIHAN G : Soalan 1 dan 3

*Betulkan kesalahan penggunaan **kata adjektif** dalam ayat yang diberi.*

1 Kavitha dimasukkan ke hospital kerana dia digigit oleh seekor anjing *samseng*.

2 Anak Encik Nazari yang baru berusia lima tahun begitu *fasih* menggunakan komputer.

3 Puan Kamariah selalu menggunakan air limau kasturi untuk menghilangkan bau *hapak* ikan air tawar.

[**3** *markah*]

LIVEWORKSHEETS